



UPM dipenuhi pelbagai spesies tumbuhan di antaranya **kebun durian**.

[GAMBAR HIASAN]

UPM cantik, miliki hasil tani mampu tarik pelancong

? Apakah rasionalnya menjadikan Universiti Putra Malaysia (UPM) destinasi eko-pelancongan di negara ini. Tidakkah ini akan menjelaskan keharmonian kampus apabila ramai pelancong datang ke sini nanti.

Warga UPM
Serdang, Selangor

! UPM memiliki keluasan kampus kira-kira 1,000 hektar dan dipenuhi pelbagai spesies tumbuhan termasuk 140 klon pokok durian, menjadikannya destinasi eko-pelancongan terbaik. Suasana kampus UPM sangat cantik dan menghijau, menyebabkannya sesuai dijadikan produk pelancongan kampus, pertanian dan eko-pelancongan.

Jadi, satu jawatankuasa khas

iaitu Jawatankuasa Pelan Industri Pelancongan universiti itu akan ditubuhkan dengan mesyuarat pertama diadakan Januari ini. Jawatankuasa itu diwakili tiga pihak yang menjadi ahli termasuk wakil UPM, Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia dengan fokus perbincangan membabitkan program yang akan dilaksanakan dan lokasi sesuai.

Penggunaan sumber manusia juga akan dibincangkan dengan tumpuan diberi kepada usaha mewujudkan pemandu pelancong di kalangan pelajar dan kakitangan UPM. Jadi, pelajar berminalat menjadi pemandu pelancong boleh mendapat kerja sambilan dengan kemahiran asas mengenainya akan diberikan Kementerian Pelancongan.

Datuk Seri Dr Ng Yen Yen
Menteri Pelancongan